

FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TAHAP STRES GURU PENDIDIKAN KHAS

Amalina Binti Razali & Azita binti Ali
Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia
Email: amalina2208@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi meninjau faktor yang mempengaruhi tahap stres di kalangan guru-guru program Pendidikan Khas di sekolah-sekolah Menengah di Daerah Johor Bahru. Selain itu, tahap stres juga dibincangkan. Seramai 74 orang responden yang terdiri dari kesemua guru sekolah terbabit telah di ambil sebagai sampel kajian. Data-data yang dikumpulkan telah dianalisa mengguna perisian komputer *Program Statistical Package of Social Science (SPSS) for Window 20.0*. Dapatan dari hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap stres di kalangan guru-guru sekolah pendidikan khas adalah sederhana (3.01). Secara khususnya antara item yang mempunyai nilai min yang tinggi adalah responden perlu menghadiri kursus dan seminar yang tidak berkaitan dengan pendidikan khas, responden perlu menjaga keselamatan pelajar pada setiap masa dan bilik guru yang sempit dan tidak selesa. Faktor bebanan tugas merupakan skor min tertinggi (2.68), diikuti dengan faktor penghargaan (2.54), faktor kereh pelajar (2.52) manakala faktor yang mempunyai skor min rendah adalah sumber dan hubungan sesama rakan sekerja (1.94). Beberapa penjelasan telah diberi keatas keputusan yang diperolehi. Cadangan-cadangan kajian susulan juga dinyatakan atas keputusan yang diperolehi. Justeru, walaupun stres guru berada pada tahap yang sederhana, ini menunjukkan guru pendidikan khas di daerah Johor Bahru tetap berasa stres dengan kesemua faktor yang dikaji.

Kata kunci : Stres, pendidikan khas, sekolah

1. Pengenalan

Pendidikan Khas merupakan satu bentuk pendidikan yang disediakan untuk memenuhi keperluan murid-murid berkeperluan khas (Kauffman & Hallahan, 2006). Manakala menurut Friend (2005), pendidikan khas adalah pengajaran yang direka bentuk khusus bagi memenuhi keperluan kanak-kanak yang kurang upaya. Pengajaran ini mungkin dikelolakan dalam bilik darjah, di rumah, di hospital atau institusi lain. Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan khas boleh didefinisikan sebagai satu program yang dirancang khusus bagi memenuhi pelbagai keperluan murid-murid pendidikan khas. Kaedah penyampaian yang dilaksanakan guru terhadap program ini menggunakan teknik dan kaedah yang bersesuaian dengan murid-murid pendidikan khas serta menggunakan sumber dan peralatan khas bagi membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid pendidikan khas.

Devaraj dan Roslan (2006) mengkategorikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) sebagai kanak-kanak yang memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza daripada murid biasa. Murid Berkeperluan Khas terbahagi kepada murid bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran. Mohamad (2005) pula menyatakan Murid Berkeperluan Khas adalah berbeza dalam aspek ciri-ciri mental, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkah laku sosial dan ciri-ciri fizikal. Oleh yang demikian, murid berkeperluan khas memerlukan modifikasi guru dalam aktiviti sekolah ataupun perkhidmatan pendidikan khas yang bertujuan mengembangkan potensi diri mereka ke tahap yang optimum dan dan tidak terabai seperti murid normal. Namun demikian, banyak pihak menyalahertikan perbezaan yang dikatakan ini dan bukan hanya memberi perbezaan, tetapi juga menyisihkan mereka (Devaraj & Roslan, 2006).

Tugas mendidik telah dibuktikan merupakan satu pekerjaan yang menyebabkan stres kerja dikalangan guru. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), stres didefinisikan sebagai kebolehan mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain, kebolehan dalam mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebolehan untuk menyumbang khidmat kepada masyarakat (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2000). Stres boleh terjadi akibat daripada perubahan yang berlaku dalam tubuh dan mempunyai kaitan dengan alam sekeliling. Stres merangkumi stres beban, konflik, keletihan, ketegangan, panik, perasaan gemuruh, kebimbangan, kemurungan dan hilang daya (Hussin, 2007).

Sehubungan dengan itu, pelbagai kajian berkaitan isu-isu stres kerja dalam kalangan guru pendidikan khas telah dijalankan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), pada tahun 2005 ke atas kakitangan perguruan di seluruh negara mendapati sebanyak 69 peratus responden bersetuju mereka bekerja dalam keadaan stres. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Kyriacou dan Chien (2004) mendapati bahawa beban tugas merupakan punca utama stres kerja dalam kalangan guru. Beban tugas yang meningkat akan meningkatkan stres kerja di kalangan guru. Hal ini dibukti apabila Presiden NUTP, Ismail Nihat sendiri mendakwa tahap stres guru di negara ini semakin meninggi dan membimbangkan ekoran beban tugas yang meningkat (Sapidin, 2005). Guru telah dibebankan dengan pelbagai tugas pentadbiran yang telah menjadi rutin pekerjaan mereka, umpamanya mengisi borang, mengutip yuran, mengemaskinikan kedatangan pelajar, menyediakan laporan prestasi, menyediakan soalan ujian dan peperiksaan, memberi bimbingan dan sebagainya bagi memajukan pelajarannya.

Dalam pada itu, kajian Ramli (2003) mendapati bahawa situasi pihak pentadbir yang kurang menghargai kerja-kerja yang dilakukan oleh pihak guru merupakan faktor penghargaan yang paling utama mendatangkan stres kepada guru bengkel sekolah menengah. Gangguan emosi ini akhirnya menimbulkan rasa marah, perasaan tidak selesa, kebimbangan, stres serta kekecewaan yang tinggi. Dalam hal ini, guru yang menghadapi stres adalah guru yang tidak dapat mengawal emosi mereka terhadap perubahan budaya pendidikan yang bukan sahaja untuk memberi ilmu pengetahuan tetapi perlu mendidik manusia agar menjadi manusia yang berguna. Oleh itu, bagi mewujudkan satu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan guru-guru terpaksa melakukan kerja lebih masa bagi menyediakan alat bantu bahan mengajar (ABBM) pengajaran, dan menghadiri kursus dan bengkel sepanjang minggu bagi membuat penyesuaian terhadap kaedah pengajaran yang baru.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa aspek kekangan sumber seperti peralatan menjadi punca utama stres daripada konteks stres kerja. Kajian dibuktikan oleh Ramli (2003) yang menyatakan bahawa kekangan sumber merupakan punca utama yang menyebabkan stres kerja dikalangan guru bengkel di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kajian yang telah dijalankan oleh Faridah et al (2001), untuk mengkaji stres dalam kalangan guru Pendidikan Khas, Sains dan Vokasional, menunjukkan bahawa guru Pendidikan Khas dan Vokasional mengalami tahap stres lebih tinggi daripada guru Sains. Keadaan ini disebabkan guru Pendidikan Khas menghadapi kumpulan pelajar yang pelbagai dan masalah tingkah laku yang mencabar di dalam kelas. Guru Vokasional pula didapati kurang keyakinan dan kerap gelisah mengajar pelajar pelajar berprestasi lebih rendah.

Kebanyakan guru mungkin tidak menyedari akan bahaya stres yang negatif (distres) sehingga mereka mengalami kesannya yang mengakibatkan kemerosotan kesihatan dan prestasi kerja mereka. Stres yang berlaku pada guru pendidikan khas boleh membawa kesan kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pembelajaran mereka. Perkara ini boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan yang seterusnya membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan mutu pendidikannya. (Sipon, 2007).

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan melalui instrumen soal selidik yang dijalankan terhadap sampel kajian yang telah dipilih untuk mendapatkan data yang diperlukan. Kajian tinjauan ini adalah suatu proses pengumpulan data dan sampel atau responden diminta untuk menjawab soalan yang disediakan. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah analisis deskriptif dan inferensi bagi mengkaji tahap stres dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap stres guru pendidikan khas di daerah Johor Bahru.

2.1. Populasi dan sampel

Berdasarkan kajian literatur terhadap semua pernyataan di atas, di dalam kajian ini pengkaji memilih untuk menggunakan prosedur pensampelan jenis bertujuan. Sampel kajian yang dipilih oleh pengkaji terdiri daripada guru pendidikan khas di daerah Johor Bahru. Populasi guru pendidikan khas di 3 buah sekolah di daerah Johor Bahru adalah seramai 90 orang guru. Walaubagaimanapun daripada jumlah tersebut, hanya 74 orang guru pendidikan khas sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie, R.V dan Morgan, D.W.(1970).

2.2. Instrumen kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen bagi tujuan mendapatkan data daripada responden. Instrumen kajian telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pada bahagian A adalah untuk mendapatkan tahap stres responden manakala pada bahagian B adalah untuk mendapatkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap stres guru pendidikan khas. Skala Likert 5 mata telah digunakan bagi bahagian A dalam instrumen ini berdasarkan skala [1] = Tidak Pernah (TP), [2] = Jarang (J), [3] = Kadang-kadang (KK), [4] = Agak Kerap (AK), dan [5] = Kerap (K). Skala Likert 4 mata pula digunakan dalam instrumen ini berdasarkan skala [1] = Sangat Tidak Setuju (STS), [2] = Tidak Setuju (TS), [3] = Setuju (S), dan [4] = Sangat Setuju (SS) bagi bahagian B.

Di dalam kajian ini, kajian rintis akan dijalankan ke atas 8 orang guru program Pendidikan Khas di sebuah sekolah sekitar Batu Pahat. Ini kerana menurut Mohamad Najib (1999), saiz sampel kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian iaitu sekitar enam ke sembilan orang sahaja. Pemilihan ini dibuat bagi memastikan sampel mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Kajian rintis ini dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan.

Kajian rintis telah dijalankan bagi menguji kebolehpercayaan item dan responden yang telah dihasilkan. Berdasarkan analisis rintis yang dilakukan dengan menggunakan perisian *SPSS* versi 20.0, mendapati nilai kebolehpercayaan item dan responden adalah baik di mana nilai kebolehpercayaan item bagi konstruk Tahap Stres adalah 0.816. Manakala bagi kelima-lima konstruk Bahagian B yang memenuhi syarat nilai *Cronbach's Alpha*. Bagi konstruk beban tugas nilai kebolehpercayaan item adalah 0.718 iaitu item boleh diterima, nilai kebolehpercayaan item bagi konstruk kerenah pelajar pula adalah baik iaitu 0.850, kebolehpercayaan item bagi konstruk sumber adalah cemerlang iaitu 0.901, nilai kebolehpercayaan item bagi konstruk penghargaan juga adalah cemerlang iaitu 0.957 manakala konstruk hubungan sesama rakan sekerja adalah baik iaitu 0.854.

2.3. Analisis data

Di dalam kajian ini, pengkaji menjalankan proses penganalisan data dengan menggunakan perisian *SPSS versi 20.0* kerana ianya membolehkan pengkaji mengukur, mengesahkan, menganalisis serta menyusun maklumat dalam bentuk yang mudah difahami. Kaedah analisis data yang lebih terperinci dilakukan bagi setiap objektif dan persoalan kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.1 di bawah.

Jadual 2.1 : Kaedah Analisis Data

OBJEKTIF KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN	ANALISIS DATA
1) Mengenalpasti tahap stres kerja di kalangan guru Pendidikan Khas.	Sejauhmanakah tahap stres kerja di kalangan guru Pendidikan Khas?	- Skor min
2) Mengenalpasti hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor beban tugas.	Apakah hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor beban tugas?	- Skor min -Ujian Korelasi (Spearman-rho)
3) Mengenalpasti hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor kerenah pelajar.	Apakah hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor kerenah pelajar?	- Skor min - Ujian Korelasi (Spearman-rho)

4) Mengenalpasti hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor sumber.	Apakah hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor sumber?	- Skor min - Ujian Korelasi (Spearman-rho)
5) Mengenalpasti hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor penghargaan.	Apakah hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor penghargaan?	- Skor min - Ujian Korelasi (Spearman-rho)
6) Mengenalpasti hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor hubungan sesama rakan sekerja	Apakah hubungan tahap stres di kalangan guru Pendidikan Khas dipengaruhi oleh faktor hubungan sesama rakan sekerja?	- Skor min - Ujian Korelasi (Spearman-rho)

3. Keputusan

Berdasarkan keputusan ujian normaliti dibawah, ujian statistik Shapiro-Wilk digunakan. Ini kerana ujian ini berfungsi dengan baik walaupun untuk saiz sampel yang kecil. Bagi menguji normaliti item kajian ini, nilai signifikan akan dirujuk iaitu lebih besar daripada 0.05 ($P > 0.05$) iaitu 0.00. Dapatan menunjukkan item-item yang diuji adalah tidak normal. Oleh itu, nilai pekali korelasi yang akan digunakan adalah spearman (rho).

3.1 Tahap Stres Responden

Jadual 3.1 : Tahap stres responden

Konstruk	Skor Min	Tahap interpretasi
Tahap stress	3.10	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3.1 di atas, didapati bahawa kesemua item memperoleh skor min yang melebihi nilai 2.50 iaitu 3.10 dan tahap interpretasi terhadap item juga sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa nilai Skor Min tahap stres guru pendidikan khas di daerah Johor Bahru berada pada tahap yang sederhana.

3.2 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Stres Guru Pendidikan Khas

Jadual 3.2 : Hubungan Korelasi tahap stres dengan faktor beban tugas

Faktor Stres	Nilai Korelasi
Beban tugas	$r = -0.20$ $p = 0.08$

Berdasarkan Jadual 3.2, menunjukkan nilai korelasi spearman bagi faktor beban tugas adalah sangat rendah iaitu $r = -0.20$, dan didapati nilai signifikan 0.08, iaitu lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$. Ini bermaksud terdapat hubungan tetapi tidak signifikan di antara faktor beban tugas dengan tahap stres di kalangan guru pendidikan khas.

Jadual 3.3 : Hubungan Korelasi tahap stres dengan faktor kerenah pelajar

Faktor Stres	Nilai korelasi
Kerenah pelajar	$r = -0.19$ $p = 0.873$

Berdasarkan Jadual 3.3, menunjukkan nilai korelasi spearman bagi faktor kerenah pelajar adalah sangat rendah iaitu $r = -0.19$, dan didapati nilai signifikan 0.8, iaitu lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$. Ini bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor kerenah pelajar dengan tahap stres di kalangan guru pendidikan khas.

Jadual 3.4 : Hubungan Korelasi tahap stres dengan faktor sumber

Faktor Stres	Nilai korelasi
Sumber	r = 0.309** p = 0.007

** Signifikan pada aras $p \leq 0.01$ (2- tailed)

Berdasarkan Jadual 3.4, menunjukkan nilai korelasi spearman bagi faktor sumber adalah rendah iaitu $r=0.31$, dan didapati nilai signifikan 0.007, iaitu lebih kecil daripada nilai $\alpha = 0.01$. Ini bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor beban tugas dengan tahap stres di kalangan guru pendidikan khas. Dengan ini hipotesis nol ditolak.

Jadual 3.5 : Hubungan Korelasi tahap stres dengan faktor penghargaan

Faktor Stres	Nilai korelasi
Sumber	r = 0.268** p = 0.021

** Signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (2- tailed)

Berdasarkan Jadual 3.5, menunjukkan nilai korelasi spearman bagi faktor sumber adalah rendah iaitu $r=0.27$, dan didapati nilai signifikan 0.007, iaitu lebih kecil daripada nilai $\alpha = 0.05$. Ini bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor beban tugas dengan tahap stres di kalangan guru pendidikan khas. Dengan ini hipotesis nol ditolak.

Jadual 3.6 : Hubungan Korelasi tahap stres dengan faktor hubungan sesama rakan sekerja

Faktor Stres	Nilai korelasi
Hubungan sesama rakan sekerja	r = 0.334** p = 0.004

** Signifikan pada aras $p \leq 0.01$ (2- tailed)

Berdasarkan Jadual 3.6, menunjukkan nilai korelasi spearman bagi faktor hubungan sesama rakan sekerja adalah rendah iaitu $r=0.33$, dan didapati nilai signifikan 0.004, iaitu lebih kecil daripada nilai $\alpha = 0.05$. Ini bermaksud terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor beban tugas dengan tahap stres di kalangan guru pendidikan khas. Dengan ini hipotesis nol ditolak.

4. Dapatan dan perbincangan

Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenalpasti tahap stres guru program Pendidikan Khas di daerah Joho Bahru. Hasil analisis dapatan kajian di atas setiap elemen melalui konstruk tahap stres mencatat nilai skor min pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan majoriti guru pendidikan khas bersetuju bahawa mereka mengalami stres. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti guru-guru program pendidikan khas mempunyai tahap stres yang sederhana. Guru-guru masih dikira berada dalam keadaan stres walaupun dapatan menunjukkan tahap stres guru pada tahap yang tidak tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Fun (2008) dan Muhammad Hanapi (2004) yang menunjukkan bahawa tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru adalah pada tahap sederhana. Di samping itu, kajian Kyriacou dan Chien (2004) ke atas guru sekolah rendah di Taiwan juga mendapati bahawa stres guru berada pada tahap sederhana.

Dapatan kajian bagi faktor beban tugas menunjukkan wujud hubungan antara tahap stres dengan faktor beban tugas dimana faktor beban merupakan faktor yang mempengaruhi stres yang tertinggi. Hal ini jelas menunjukkan guru berasa terbeban dengan semua perkara-perkara tersebut walaupun tahap stres guru berada pada tahap yang sederhana. Pernyataan ini disokong oleh kajian Aznan Che Ahmad *et al.*, (2011) yang dijalankan ke atas 213 orang guru di Pulau Pinang, menunjukkan seramai 166 orang guru bersetuju mereka sering diarahkan untuk melakukan tugas yang tidak berkaitan dengan Pendidikan Khas. Ini turut disokong oleh Naylor (2001) yang menyatakan bahawa, beban tugas guru adalah punca yang menyebabkan stres yang tinggi ke atas 644 orang guru sekolah menengah dan sekolah rendah di British Columbia.

Dalam pada itu, dapatan kajian turut menunjukkan wujud hubungan antara tahap stres dengan faktor kerendah pelajar. Kajian Hart *et al.*, dalam penulisan Abel *et al.*, (1999) yang menyatakan bahawa masalah salah laku pelajar menjadi faktor yang berterusan terhadap tahap stres seseorang guru. Hal ini disokong dapatan kajian oleh Benmansour (1998) serta Pithers dan Soden (1998) yang mendapati punca utama tekanan kerja guru adalah menjaga disiplin pelajar. Selain itu, salah laku pelajar menjadi faktor penyumbang guru-guru wanita tertekan (Punch & Tuettman, 1990). Manakala kajian Ahmad Azahari (1998), mendapati bahawa masalah murid adalah punca stres yang lebih dominan. Aspek-aspek yang terkandung dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan karenah pelajar yang sering menjadi penghalang dalam proses pembelajaran.

Dapatan kajian penyelidikan bagi faktor penghargaan menunjukkan item yang mempunyai nilai min tertinggi bagi konstruk sumber adalah bilik guru yang sempit dan tidak selesa, diikuti dengan sekolah kekurangan kemudahan alat bantu mengajar serta tempat melakukan aktiviti pelajar. Selain itu, dapatan penyelidikan menunjukkan antara item yang menjadi faktor penyebab stres guru tertinggi adalah keadaan bilik guru yang sempit. Walaubagaimanapun pernyataan ini disangkal oleh dapatan kajian oleh Yahaya, A. H dan Kim (2006) yang menyatakan bahawa keadaan bilik guru yang tidak selesa merupakan kekangan sumber yang paling kurang menyumbang kepada stres kerja responden.

Selain itu, dapatan kajian penyelidikan menunjukkan item yang mempunyai nilai min tertinggi bagi konstruk sumber adalah saya dipertanggungjawabkan sekiranya pelajar gagal dalam peperiksaan diikuti dengan pentadbir kurang prihatin mengenai kebajikan saya serta kerja-kerja saya kurang dihargai oleh pentadbir. Ini selari dengan dapatan Royo dan Fun (2010) yang menyatakan tahap stress bagi item-item dari segi faktor penghargaan mempunyai nilai skor min yang paling tinggi. Hal ini disebabkan oleh kurangnya kepekaan pihak pentadbir kepada kebajikan guru pendidikan khas. Dalam pada itu, kurangnya galakan daripada pihak pentadbir menyebabkan tahap stres guru meningkatkan. Selain itu, guru yang menerima sokongan sosial yang tinggi akan mengalami tahap stres yang rendah. Pernyataan ini disokong oleh dapatan oleh Winefield (2003), yang menyatakan sokongan sosial mempunyai kesan langsung dimana ia mampu mengurangkan tahap stres berkaitan kerja dan memperbaiki kesejahteraan emosi dan fizikal.

Dapatan kajian menunjukkan item tertinggi adalah guru biasa menganggap beban kerja saya sama dengan mereka diikuti dengan saya sering menyiapkan tugas berkumpulan sendirian.. Hal ini berlaku disebabkan guru biasa kurang memahami tugas guru pendidikan khas kerana mereka kurang didedahkan dengan bidang tugas guru pendidikan khas. Dapatan ini disokong oleh Ahmad *et al.*, (2011) yang menyatakan guru pendidikan khas menghadapi masalah dalam mendapat kerjasama daripada guru aliran perdana. Kajian penyelidikan mendapati tahap stres guru pendidikan khas berada pada tahap yang rendah. Namun terdapat hubungan antara tahap stres dengan faktor ini. Walaubagaimanapun, kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Azizi Haji Yahaya dan Tee Sook Kim (2006) yang menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan bagi faktor perhubungan interpersonal berada pada tahap sederhana dimana faktor tersebut merupakan faktor stres kerja yang kelima bagi kajian. Dapatan kajian Montgomery dan Rupp (2005) mendapati faktor yang mempengaruhi stres adalah sokongan daripada rakan sekerja.

Justeru, dapatan kajian penyelidikan menunjukkan terdapat hubungan antara tahap stres dengan kelima-lima faktor yang mempengaruhi tahap stres guru pendidikan khas yang diambil daripada Model Tekanan Kerja Boyle *et al.*, (1995) iaitu beban tugas, kerendah pelajar, sumber, penghargaan dan hubungan sesama rakan sekerja.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa kajian ini telah mencapai objektif dan menjawab keenam-enam persoalan kajian yang telah dinyatakan. Segala pernyataan turut disertakan dengan bukti dan hasil dapatan daripada proses analisis data serta disokong dengan pernyataan yang diambil daripada hujah-hujah pengkaji lepas. Melalui analisis statistik deskriptif yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap stres bagi guru pendidikan khas adalah sederhana. Manakal analisis inferensi digunakan bagi mengkaji hubungan antara tahap stres dengan faktor yang mempengaruhi stres. Dapatan dan kesimpulan terhadap kedua-dua konstruk tersebut dibuat berdasarkan rujukan ke atas nilai skor min dan tahap stres responden serta hubungan antara kedua-dua konstruk tersebut. Hasil analisis kajian mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan dan tidak signifikan di antara kedua-dua konstruk tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberikan gambaran jelas berhubung isu-isu yang berkaitan tahap stres guru pendidikan khas dan faktor-faktor yang mempengaruhi serta boleh menjadi rujukan kepada pihak kerajaan. Pihak kerajaan perlu sentiasa memantau aktiviti program pendidikan khas seiring dengan program pendidikan perdana. Kerajaan juga harus lebih terbuka menerima cadangan guru-guru ini dalam bersama-sama meningkatkan mutu pendidikan dan

sahsiah bagi pelajar pendidikan khas di Malaysia. Hal ini supaya guru-guru tidak merasa dipinggirkan malahan mereka akan lebih bersemangat berbakti dan berkhidmat dalam program ini.

Rujukan

Friend, M. IDEA 2004 Update Edition: <i>Special Education</i> . New Jersey: Pearson Education , Inc. 2006.
Kauffman, J. M. & Hallahan, D. P. (2005) <i>Special Education</i> . New Jersey; Pearson Education , Inc.
Devaraj, S & Roslan, S. (2006). Apa Itu Disleksia?. Malaysia; PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. ISBN10 983-3585-54-X/ISBN13.
Boyle, G. J., Borg, M. G., Falzon, J. M. & Baglioni, A. J. Jr. (1995). <i>A structural model of dimensions of teacher stress</i> . <i>British Journal of Educational Psychology</i> , 63, 271– 286.
Kyriacou, C. and Chien P. Y. (2004). <i>Teacher stress in Taiwanese primary school</i> . <i>Journal of Educational Enquiry</i> , 5, 86–104.
Aznan, C. A., Ghani, M. Z., Ismail, H., Hamzah, A., Aman, R.C., Isa, Z. M., <i>Problem and Issues among Special Education Teachers In Penang</i> . Pulau Pinang; Universiti Sains Malaysia.
Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). <i>Determining Sample Size for Research Activities</i> . <i>Educational & Psychological Measurement</i> , 30, 607 – 610.
Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon and Abdul Rahim Hamdan.(2007). <i>Menguasai penyelidikan dalam pendidikan</i> . Kuala Lumpur: PTS ProfessionalPublishing Sdn. Bhd.
Montgomery, C., & Rupp, A. A. (2005).A Meta-Analysis for Exploring the Diverse Causes and Effects of Stress in Teachers. <i>Canadian Journal of Education</i> , 28, 458-486.
Royo, M. A. & Fun, W. S. (2010). Faktor-Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-Guru Sjk(C): Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah . Universiti Teknologi Malaysia
Chaplain, R. P. (1995). <i>Stress and Job Satisfaction: A Study of English Primary School</i> . <i>Educational Psychology</i> ,15, 473-489.Cockburn, A. D. (1996). <i>Primary teachers’ knowledge and acquisition of stress relieving strategies</i> . <i>British Journal of Educational Psychology</i> , 66, 399-410.
Sipon, S. (2007). Pendidik Mesti Bijak Kawal Emosi. dlm. “Utusan Malaysia”. 27 Julai 2007.
Kim, T. S (2006) <i>Stress Among teachers Of Technical School In N.Sembilan, Melacca, and Johor</i> .